

15/12/1999

Waad ikrar jalankan amanah

SEREMBAN, Selasa - Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gemencheh, Datuk Waad Mansor, berikrar menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, kerana melantiknya.

Bagaimanapun, Waad enggan mengulas kenyataan Adun Lenggeng, Datuk Ishak Ismail, yang membantah pelantikannya semula sebagai ahli Exco.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, tidak dapat dihubungi untuk mengulas kenyataan Ishak.

Ketika upacara pelantikan Menteri Besar dan ahli Exco di Balai Kecil, Istana Besar Seri Menanti di Kuala Pilah, semalam, Ishak bertindak keluar dari upacara itu sebagai membantah pelantikan semula Waad sebagai ahli Exco.

Waad dihadap ke mahkamah atas lima tuduhan rasuah berhubung kelulusan tanah kepada sebuah syarikat yang isterinya mempunyai kepentingan. Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Seremban membebaskannya daripada tiga tuduhan terbabit.

Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Zaki Husin, sebelum ini dilaporkan berkata BPR sudah mengemukakan rayuan terhadap keputusan mahkamah.

Waad juga masih menghadapi dua tuduhan rasuah lain, tetapi setakat ini tarikh perbicaraan belum ditetapkan.

Ahmad Zaki gagal dihubungi untuk mendapatkan perkembangan terbaru berhubung kes Waad.

(END)